

**Rakyat luar negara menuntut hak mengundi  
Malaysiakini.com  
Disember 2, 2010**

Ratusan ribu rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara yang dihalang mengundi pada setiap kali pilihan raya umum diadakan sejak tahun 2002 mendakwa undang-undang negara sedia ada mendiskriminasi mereka.

Mengikut Akta Pilihan Raya, di mana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) beroperasi, - hanya empat kategori rakyat layak membuang undi pos.

NONE Mereka adalah anggota tentera, kakitangan awam yang bertugas di luar negara, pelajar sepenuh masa dan keluarga kumpulan berkenaan. Semua mereka akan mengundi di pejabat kedutaan atau konsular di negara yang mereka huni.

Kategori lain rakyat Malaysia yang berada di luar negara tidak mempunyai pilihan kecuali kembali ke tanah air jika magu mengundi.

Sejak 2008, apabila negara menyaksikan BN hilang majoriti dua pertiga yang dipegangnya sejak 53 tahun lalu, semakin ramai rakyat Malaysia dari Australia ke England dan juga negara-negara lain menuntut hak mereka sebagai pengundi pos.

NONE Kumpulan itu diterajui oleh Andrew Yong, penyelaras MyOverseasVote (MOV), - kempen yang dilancarkan di London bagi mencari jalan membolehkan rakyat Malaysia di luar negara mengundi tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

Menurut laman sesawang MOV, [www.myoverseasvote.org](http://www.myoverseasvote.org): "Nasihat perundangan kami adalah peruntukkan diskriminasi itu adalah pencabulan budi bicara mengikut undang-undang dan mencemar jaminan sama taraf yang dibuat oleh Perlembagaan Persekutuan."

Antara objektif kempen itu yang disenaraikan, "Untuk menamatkan diskriminasi ke atas rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara, memberikan hak mengundi kepada rakyat Malaysia di luar negara dan membabitkan mereka semula dalam mencartakan semula masa depan Malaysia."

hulu selangor by-election voting day 250410 voting 03 Menurut John Khoo, pengasas SABMOZ (Saya Anak Bangsa Malaysia Australia) di Sydney: "Rakyat Malaysia hanya berminat Malaysians terlibat dengan masa depan.

"Hak mengundi adalah rukun asas demokrasi - ia adalah hak orang ramai memilih perwakilan politik dan secara lebih luas memilih kerajaan,"

Lebih membimbangkan kata Khoo adalah beberapa pejabat kedutaan di negara-negara tertentu tidak membenarkan pelajar sepenuh masa yang layak mengikut takrif SPR daripada mengundi..